

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD

Rujukan Kami : MN/CIR/0005/2025

17th SEPTEMBER 2025

Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,

MAJLIS PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025

Ahli-Ahli yang dihormati,

Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah menganjurkan program MAJLIS PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025 bertarikh 6th September 2025 bertempat di Bertam Resort, Pulau Pinang.

Majlis tersebut dihadiri oleh ribuan wakil pekerja daripada Kesatuan Sekerja pelbagai sektor. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong iaitu Menteri Sumber Manusia. Kesatuan MAYNEU telah diwakili oleh Encik Shamsul Bin Ibrahim, Encik Khairul Nizam Bin Rozali, Puan Rozana Binti Omar dan Puan Asmizan Binti Abu Bakar.

Didalam majlis yang sama, Encik Steven Sim menyatakan KESUMA amat yakin gerakan kesatuan sekerja di Malaysia akan terus berkembang dengan maju mengikut rentak piawaian antarabangsa disamping terus memperjuangkan hak pekerja.

Pucuk pimpinan MAYNEU berterima kasih kepada JHEKS di atas jemputan menghadiri majlis yang bersejarah itu.



Dari kiri En. Khairul Nizam, En. Shamsul, Pn. Rozana dan Pn. Asmizan

“MAYNEU - OLEH MAYBANKERS, UNTUK MAYBANKERS, DEMI MAYBANKERS.”



**SETIAUSAHA
JESNI MAHMOOD**

s.k. Presiden, MAYNEU